

Headline **Meningkatkan kesedaran isu kanak-kanak**  
Date **10 Oct 2010**  
MediaTitle **Berita Minggu**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**  
Page No **22**  
Article Size **548 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **15,520**  
PRValue **46,561**



# Meningkatkan kesedaran isu kanak-kanak

## Rosmah harap perbincangan hasilkan deklarasi untuk tindakan PBB

**H**AMPIR 22,000 kanak-kanak di seluruh dunia mati setiap hari. Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) juga mendedahkan setiap empat saat, seorang kanak-kanak maut akibat pelbagai perkara termasuk kebuluran, kemiskinan dan penyakit.

Kepesatan pertumbuhan penduduk yang semakin meningkat bersama pembangunan serta perindustrian yang hebat membuka lebih banyak peluang pendidikan, kesihatan, penambahbaikan taraf hidup dan jangka hayat kanak-kanak.

Bagaimanapun, pada masa sama pelbagai risiko, ancaman, tekanan dan cabaran, selain statistik jenayah, penindasan, penyeludupan, pemerdagangan dan eksploitasi rentas sempadan terhadap kanak-kanak meningkat dari sehari ke sehari. Ini menuntut pelbagai pihak menangani isu terbabit secara komprehensif bagi memastikan mereka mampu hidup dalam suasana lebih harmoni, sejahtera, selamat dan sempurna.

Justeru, Sidang Kemuncak Wanita Pertama 2010 bertemakan 'Anak Hari Ini, Pemimpin Hari Esok' yang diilhamkan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor amat relevan dalam membincang serta mengupas pelbagai isu berkaitan secara mendalam, sekali gus meningkatkan kesedaran global mengenai kepentingan se-

tiap negara melabur dalam pembangunan, kebajikan, pendidikan dan kesejahteraan kanak-kanak.

Sidang kemuncak anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu akan dihadiri 20 wanita pertama, lima menteri dan enam wakil dari negara yang tidak mempunyai wanita pertama, antaranya Afghanistan, Albania, Chile, Ghana, Iran dan Nigeria.

Rosmah berkata, peranan wanita pertama amat besar kerana mereka mempunyai pengaruh dalam menyorak dan menggerakkan sesuatu perancangan dalam komuniti.

Headline **Meningkatkan kesedaran isu kanak-kanak**  
Date **10 Oct 2010**  
MediaTitle **Berita Minggu**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**  
Page No **22**  
Article Size **548 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **15,520**  
PRValue **46,561**

Katanya, pemilihan tema sidang itu begitu signifikan dan tepat pada masanya ketika banyak isu membabitkan keperluan dan kepincangan mengenai kanak-kanak pada peringkat nasional dan sejagat harus ditangani.

Perancangan mengenai pembangunan kanak-kanak sewajarnya dilakukan bermula daripada peringkat awal usia kerana mereka adalah pewaris kepada kepemimpinan masa depan.

Kanak-kanak, jelasnya, memerlukan lebih perhatian, hidup dalam suasana persekitaran tenteram, sejahtera, tenang dan bebas melakukan pelbagai aktiviti berkualiti bagi menentukan perkembangan,

pembangunan dan pembesaran yang sihat.

"Usia terbaik mendidik anak adalah ketika umur bawah empat tahun kerana itu tempoh penting dalam pembangunan hidup mereka. Ketika ini anak perlu diajar, dididik dan diasuh dengan nilai murni di samping diberi kebebasan mencungkil potensi dirinya.

"Kita tidak seharusnya menyekat kemahuan mereka, sebaliknya memberi ruang secukupnya. Biar mereka bermain dengan rakan, belajar sesuatu yang baru dan melakukan aktiviti berkualiti mengikut perkembangan usia, manakala ibu bapa pula perlu meluangkan masa melayan kerenah anak kerana mereka amat memerlukan perhatian.

"Kita tidak boleh mengajar kanak-kanak apabila mereka sudah mencecah usia 10 tahun ke atas kerana ia sudah berada dalam fasa berbeza. Oleh itu, kita mengadakan program Permata Negara yang memberi peluang kepada kanak-kanak dari segi pendidikan dan kebajikan," katanya.

Beliau yang mengulas isu itu ketika ditemui di kediamannya di Sri Perdana, Putrajaya, berkata di kalangan kanak-kanak, ada yang suka berterus terang, tetapi sebilangan hanya memendam segala masalah dan ia sebenarnya memberikan implikasi kurang baik terhadap tumbesaran anak.

Mendapatkan anak yang cemerlang dan berjaya dalam kehidupan adalah impian semua ibu bapa, tetapi kata Rosmah, sebagai orang

tua, mereka perlu memahami psikologi kanak-kanak supaya tidak tersasar dalam mendidik.

Kanak-kanak perlu dibesarkan dalam suasana penuh warna-warni dan gembira seperti dihantar ke kelas komputer, kelas muzik dan sebagainya kerana itu akan membantu merangsang pertumbuhan minda yang sihat.

"Kanak-kanak sebenarnya tidak boleh berdepan tekanan kerana ia akan mempengaruhi minda, perwatakan dan perlakuan apabila mereka meningkat dewasa," kata wanita pertama Malaysia itu yang sangat mementingkan disiplin dan tegas dalam mendidik anak.

Peningkatan kes bunuh diri

membabitkan kanak-kanak yang berlaku di seluruh dunia sebenarnya disebabkan gagal mengurus institusi keluarga dengan membiarkan anak tanpa perhatian sehingga menimbulkan tekanan kepada si kecil.

Sehubungan itu, dalam sidang berkenaan, beliau tidak menolak kemungkinan berkongsi mengenai program Permata Negara yang dilaksanakan Malaysia sebagai perediaan menyeluruh membabitkan pelbagai aspek pembangunan kanak-kanak termasuk pendidikan dan kebajikan mereka.

Rosmah mengalu-alukan penyeritaan pelbagai negara termasuk negara membangun untuk berkongsi, belajar, bertukar pandangan, pengalaman dan pengetahuan mengenai isu kanak-kanak mengikut senario negara masing-masing pada persidangan tiga hari itu yang berlangsung di hotel Palace of the Golden Horses, Seri Kembangan.

"Apa saja masalah terbesar dalam negara mereka, boleh kita kongsi, bincangkan bagaimana dapat diselesaikan isu seperti HIV/Aids, kebuluran dan kadar literasi. Saya percaya setiap negara mempunyai isu tertentu yang ingin ditonjolkan. Terpulang kepada negara terbabit isu apa yang ingin diketengahkan," katanya.

Bagi Malaysia, katanya, isu mengenai pendidikan kanak-kanak, pembuangan bayi, keganasan rumah tangga dan taraf kesihatan antara yang akan diberi tumpuan pada sidang berkenaan.

Beliau berkata, rakyat seharusnya

bersyukur kerana Malaysia tidak berdepan dengan isu sosial, politik dan budaya yang serius berbanding negara lain.

Lantas sidang ini juga sebagai mempromosi Malaysia di mata dunia bukan saja sebagai destinasi menarik, malah prihatin terhadap isu sejagat, sekali gus menepis persepsi buruk sesetengah negara lain bahawa negara ini pusat penyeludupan dadah dan jenayah perdagangan manusia.

Apa yang penting, beliau berharap pada kemuncak persidangan itu nanti, akan terhasil satu deklarasi yang akan dihantar kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk tindakan lanjut.

"Sebuah jawatankuasa ditubuhkan untuk memantau deklarasi itu bagi memastikan ia dapat dilaksanakan sebaiknya demi kepentingan sejagat. Kita bincang apa yang penting, memantau dan mencari penyelesaian ke atas sebarang kekurangan berhubung masalah kanak-kanak ini," katanya.

Harapan beliau, langkah itu juga berupaya melahirkan kanak-kanak yang mampu menjadi pemimpin masa depan yang berkebolehan dalam mengharungi cabaran du-

**“** *Pemilihan tema sidang itu begitu signifikan dan tepat pada masanya ketika banyak isu membabitkan keperluan dan kepincangan mengenai kanak-kanak peringkat nasional dan sejagat harus ditangani”*

**Rosmah Mansor**  
Wanita Pertama Malaysia



Headline	<b>Meningkatkan kesedaran isu kanak-kanak</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>10 Oct 2010</b>	Page No	<b>22</b>
MediaTitle	<b>Berita Minggu</b>	Article Size	<b>548 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Nasional</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>15,520</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>46,561</b>
Circ / Read	<b>297,950 / 2,476,000</b>		

